

Hakisan tanah ancam penduduk

Berpunca daripada sistem saliran yang terganggu akibat dihalang sampah

ASYRAF MUHAMMAD

SUNGAIBULOH-Keadaan sistem saliran di anak Sungai Pelong yang terganggu telah mengakibatkan hakisan tanah di laluan jambatan Taman Paya Jaras Permai dan ia membahayakan penduduk setempat.

Sistem saliran di sini terganggu berikutan keadaan sampah yang menghalang aliran air dengan sempurna lalu menyebabkan tanah menjadi mendap dan terhakis.

Menurut salah seorang penduduk, Noridin Saat, 50, kejadian berkenaan berlaku pada lewat petang kelmarin setelah hujan turun dan menyebabkan kapasiti air banyak disalurkan melalui anak sungai berkenaan.

Air yang tidak dapat disalurkan dengan sempurna telah mengalir keluar dan menyebabkan tanah berhampiran jambatan runtuh serta mengundang risiko bahaya buat penduduk lain," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Disebabkan keadaan tersebut, Noridin berkata, dianggarkan kira-kira 200 rumah penduduk di kawasan berkenaan bakal terjejas.



Khairuddin (dua, kanan) sedang berbincang dengan wakil JPS, Ali Rahmat (kiri) berkenaan masalah hakisan tersebut.

Katanya, penduduk terpaksa menggunakan laluan alternatif di Jalan Durian bagi mengelakkan sebarang insiden tidak diingini berlaku.

"Penduduk di taman ini terpaksa menggunakan laluan lain memandangkan ia memberi risiko jika masih digunakan orang ramai," katanya.

Dalam pada itu, menurut salah seorang penduduk lain, Jaafar Sam, 48, keadaan sampah yang menghalang saliran

air di sini dilihat menjadi punca utama berlakunya mendapan tanah tersebut.

Menurut Jaafar, penduduk telah memaklumkan mengenai kejadian berkenaan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) agar tindakan selanjutnya diambil.

"Masalah ini perlu diselesaikan segera memandangkan ia mengancam nyawa penduduk dan menyebabkan masyarakat se-

tempat sukar untuk keluar masuk," katanya.

Sementara itu, menurut Pengurus Cawangan MBSA Sungai Buloh, Zawawi Md Isa, pihaknya telah menjalankan pemantauan di lokasi kejadian bersama wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Petaling serta Adun Paya Jaras, Khairuddin Othman bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.

Menurut Zawawi, pihak



Keadaan hakisan tanah di jambatan berkenaan yang boleh mengundang risiko bahaya buat penduduk setempat.

JPS akan mengambil inisiatif untuk menyelesaikan permasalahan tersebut dalam masa seminggu dan sepanjang tempoh itu, penduduk diminta menggunakan laluan alternatif untuk keluar masuk.

"Kita tidak mahu sebarang kemungkinan berlaku dan penduduk tidak dibenarkan melalui laluan ini sehingga ia siap dibaik pulih," katanya.

Tambahnya, keadaan runtuh tersebut akan di-

tambak dengan batu bagi mengelakkan masalah sama berulang.

Khairuddin menambah, penduduk diharap dapat bersabar buat sementara waktu dengan menggunakan laluan alternatif terbabit sehingga semua kerja-kerja penyelenggaraan selesai.

"Kita harap penduduk berhati-hati dan tidak menggunakan laluan ini untuk keluar masuk," katanya.